

29/09/1998

Beberapa bahagian Umno disogok sehingga RM2 juta

JOHOR BAHRU, Isnin - Datuk Seri Anwar Ibrahim dipercayai cuba mempengaruhi beberapa bahagian Umno dengan memberi peruntukan kewangan antara RM1 juta dan RM2 juta bagi menjalankan kegiatan parti.

Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed Rahmat, ketika mendedahkan perkara itu berkata ada juga di kalangan pemimpin di peringkat bahagian terbabit dibayar elaun bulanan antara RM5,000 dan RM10,000.

"Kita boleh mengenal pasti bahagian mana terbabit. Ada cakap-cakap 90 bahagian yang dipergunakan," katanya selepas majlis taklimat mengenai isu politik semasa Umno bahagian Pulai, di sini hari ini.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan ahli Umno yang terbabit tidak mudah terpengaruh dan kembali kepada perjuangan asal parti dan menunjukkan kesetiaan tidak berbelah bagi kepada pemimpin parti.

"Mereka yang terbabit seharusnya tampil ke hadapan dan mengaku kesalahan masing-masing bagi menunjukkan taat setia kepada kepimpinan parti.

"Mereka dinasihatkan tidak mengambil duit itu, selain menerima dengan hati terbuka keputusan Dr Mahathir melucutkan jawatan Anwar dan memecat keahliannya kerana perilaku moral yang rendah," katanya.

Mohamed yang juga Ketua Umno bahagian Pulai turut kesal dengan tindakan penyokong Anwar yang pergi ke luar negara seperti Indonesia bagi mendapatkan sokongan daripada orang perseorangan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) negara itu.

Beliau berkata, individu dan NGO berkenaan dipercayai terbabit secara langsung dalam menentukan gerakan reformasi yang berjaya dilakukan di Indonesia dan mahu ia dilaksanakan di negara ini.

Menurutnya, tanggapan itu boleh dibuktikan dengan penahanan beberapa rakyat Indonesia yang terbabit dalam demonstrasi haram pada 20 September lalu.

Beliau yang juga Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN), meminta kerajaan mengusir segera warga asing yang ditahan itu kerana mencampuri hal ehwal politik negara ini selain mengkaji semula dasar pengambilan pekerja asing, jika kehadiran mereka itu membahayakan keselamatan dan ketenteraman negara.

Selain itu, katanya, kajian Bahagian Penyelidikan, Kementerian Penerangan menunjukkan 70 peratus daripada rakyat Johor menyokong keputusan Dr Mahathir berhubung pemecatan bekas timbalannya itu.

"Bakinya, terutama golongan muda tidak menyokong pelucutan jawatan Anwar sebagai Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan serta pemecatannya keahlian dalam Umno pada 2 September lalu," katanya.

(END)